

BIL 2 2024



BULETIN JSG

JABATAN SAINS GUNAAN
UITM CAWANGAN PULAU PINANG





ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator

01

Akademik

3 rd ICoSeMT & 2 nd INoDEx 2023

02

Kunjungan Dekan FSG

05

Bengkel Kurikulum Program Baru

06

Inovasi Keusahawanan

07

Road to SPM: SMKTAT

12

Stem

Karnival Kimia Malaysia

13

Sains ke Desa

14

Explorace PHY145

16

Karnival STEM Pulau Pinang

18

Bridge Challenge

20

STEAM Challenge

22

Aktiviti

Fotografi Merdeka

24

Gotong-royong 5S JSG

26

Free Market 6.0

28

Riadah

Ping Pong Piala TRHEA

29

Ping Pong Bersama Perodua

30

Santai-santai Petanque

31

KARNIVAL STEM PULAU PINANG

Nor Aziyah Bakhari

11-15 Sept 2023 - Karnival STEM peringkat Pulau Pinang telah berlangsung selama lima hari di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang ini mendapat kerjasama daripada UiTM Cawangan Pulau Pinang, *Penang Science Cluster* dan disokong oleh rakan industri lain seperti INTEL dan *INTI College*.

Lebih daripada 50 aktiviti yang melibatkan aktiviti mengukur kecemerlangan dan aktiviti penggalakan STEM telah dilaksanakan dengan jayanya. Sebahagian daripada pertandingan bertujuan untuk memilih waki-wakil negeri Pulau Pinang ke pertandingan peringkat kebangsaan, contohnya pertandingan bercerita STEM, *STEM Innovation Show*, *Young Innovators*, *Math Olympiad* dan banyak lagi.



Selain pertandingan, aktiviti seperti bengkel dan pameran STEM turut diadakan serentak. Sebanyak 20 rakan strategik telah membuka reruai masing-masing dengan membawa berbagai aktiviti *hands-on* yang boleh disertai pelajar.



Peserta program ini terdiri daripada lebih kurang 5000 pelajar dari pelbagai peringkat sekolah di seluruh Pulau Pinang. Para guru dan kakitangan bertindak sebagai urusetia bagi memastikan program berjalan dengan lancar.

Perlaksanaan program ini dijangka bukan sahaja dapat menambahkan jalinan hubungan antara UiTM dan JPN serta industri, malah menjadi medan untuk mempromosi UiTM kepada pelajar dan guru sekolah serta meningkatkan bilangan feeder bagi program STEM di UiTM.

Majlis Penutup dan penyampaian hadiah berlangsung di Dewan Besar UiTM Cawangan Pulau Pinang pada hari terakhir program, dirasmikan oleh Timbalan Pengarah, Sektor Pembangunan Murid, JPN Pulau Pinang iaitu Tuan Mohamad Said Ibrahim.

